KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN
# PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## SABTU, 9 SEPTEMBER 2023

## LAPORAN HARIAN

JKM JPW LPPKN ISM LKM YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

MALAYSIA MADANI

www.kpwkm.gov.my kpwkm

9/9/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 1 | **BATIK CHEMPAKA JULANG MARTABAT PEKERJA KURANG UPAYA** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/277966/edisi/utara/batik-chempaka-julang-martabat-pekerja-kurang-upaya | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 2 | **FUN WALK BERSEMPENA PROGRAM JERAYAWARA KASIH KPWKM @ADVOKASI ANTIGANGGUAN SEKSUAL DI NEGERI KELANTAN** | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=gV2Q0gevH18 | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 3 | **JANGAN MALU, TAKUT LAPOR KES GANGGUAN SEKSUAL - NANCY SHUKRI** | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=gGPKo4OSNmg | YOUTUBE |
| | https://www.youtube.com/watch?v=WhKYzs8u9y8 | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 4 | **INGIN TAHU MENGENAI PERANCANG KELUARGA DAN KAEDAH YANG SESUAI?** | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=NpMpuEkw5Ug | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 5 | **PERAK PERBANYAK INISIATIF RENTAS PORTFOLIO** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/277936/edisi/perak/perak-perbanyak-inisiatif-rentas-portfolio | SINARHARIAN.COM.MY |

9/9/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 6 | **BERI KEPERCAYAAN USAHAWAN WANITA DAPAT PINJAMAN LEBIH BESAR - AHMAD ZAHID** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1007701/beri-kepercayaan-usahawan-wanita-dapat-pinjaman-lebih-besar-ahmad-zahid | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/277944/berita/nasional/beri-kepercayaan-usahawan-wanita-dapat-pinjaman-kewangan-lebih-besar | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 7 | **TULANG BELAKANG BENGKOK, ALLYAS DAFI PERLU DIBEDAH SEGERA** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/09/08/tulang-belakang-bengkok-allyas-dafi-perlu-dibedah-segera/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 8 | **BERI DISKAUN TOL UNTUK ANAK LAWAT IBU BAPA WARGA EMAS** | |
| | https://www.utusan.com.my/rencana/forum/2023/09/beri-diskaun-tol-untuk-anak-lawat-ibu-bapa-warga-emas/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 9 | **‘ELAK KE KAWASAN WANITA DISERANG BUAYA’** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/09/elak-ke-kawasan-wanita-diserang-buaya/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 10 | **ADA KEPERLUAN CARI PELAPIS BAHARU UNTUK AKSI LAGAK NGERI BERMOTOSIKAL WANITA** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-sukan/ada-keperluan-cari-pelapis-baharu-untuk-aksi-lagak-ngeri-bermotosikal-wanita-436356 | ASTROAWANI.COM |

9/9/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 11 | **DUA WANITA DITAHAN KES TAMPAR RAKAN HINGGA PATAH GIGI** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/09/1149879/dua-wanita-ditahan-kes-tampar-rakan-hingga-patah-gigi | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/09/dua-wanita-tampar-kenalan-hingga-patah-gigi-ditahan/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 12 | **WANITA DIPUJI BANTU PENUNGGANG MOTOSIKAL REBAH AKIBAT SERANGAN JANTUNG** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/09/1150019/wanita-dipuji-bantu-penunggang-motosikal-rebah-akibat-serangan-jantung | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 12 | **ROGOL WANITA BERGILIR-GILIR: ABANG IPAR DIDAKWA, MENGAKU TIDAK BERSUBAHAT** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/09/08/rogol-wanita-bergilir-gilir-abang-ipar-didakwa-mengaku-tidak-bersubahat/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/277937/berita/semasa/seorang-lagi-suspek-rogol-bergilir-diberkas-tiga-masih-diburu | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 12 | **KANAK-KANAK TADIKA MAUT, BAPA PARAH** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/277975/berita/semasa/kanak-kanak-tadika-maut-bapa-parah | SINARHARIAN.COM.MY |

9/9/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 13 | **DEDAH AKTIVITI SENI KEPADA KANAK-KANAK LANGKAH YANG SANGAT BAIK: JASNI** | |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2023/09/08/dedah-aktiviti-seni-kepada-kanak-kanak-langkah-yang-sangat-baik-jasni | UTUSANBORNEO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 14 | **BAPA DISYAKI ROGOL ANAK TIRI SEJAK 2020 DICEKUP POLIS** | |
| | https://malaysiagazette.com/2023/09/08/bapa-disyaki-rogol-anak-tiri-sejak-2020-dicekup-polis/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 15 | **PETROSAINS TAWAR PAKEJ KEAHLIAN KELUARGA SERENDAH RM100** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/277887/berita/nasional/petrosains-tawar-pakej-keahlian-keluarga-serendah-rm100 | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 16 | **JABATAN BANTUAN GUAMAN BANTU ORANG SUSAH AKSES KEADILAN** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/09/jabatan-bantuan-guaman-bantu-orang-susah-akses-keadilan/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 17 | **LELAKI OKU DITEMUI MENINGGAL DUNIA DALAM LONGKANG** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/09/08/lelaki-oku-ditemui-meninggal-dunia-dalam-longkang/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/09/08/oku-mans-walk-to-kota-marudu-town-ends-in-tragedy | THESTAR.COM.MY |

9/9/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 18 | **YANG DI-PERTUAN AGONG SAMPAIKAN SUMBANGAN KEPADA ASNAF DAN OKU** | |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2023/09/08/yang-di-pertuan-agong-sampaikan-sumbangan-kepada-asnaf-dan-oku | UTUSANBORNEO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 19 | **WARGA EMAS KERAH KUDRAT JAGA ANAK SAKIT MISTERI** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/277913/edisi/kelantan/warga-emas-kerah-kudrat-jaga-anak-sakit-misteri | SINARHARIAN.COM.MY |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | LELAKI DIDAKWA BENARKAN 4 RAKAN ROGOL ADIK IPAR | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 09 SEP 2023 | M/SURAT | : | 20 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Lelaki didakwa benarkan 4 rakan rogol adik ipar

## Tertuduh tak dibolehkan ikat jamin bimbang ganggu mangsa

Oleh Faris Fuad dan Hafidzul Hilmi Mohd Noor
bhnews@bharian.com.my



*Seorang penganggur tidak mengaku bersalah bersubahat dalam kes rogol adik ipar di Mahkamah Sesyen, Kuala Lumpur, semalam.*
(Foto Fathil Asri/BH)

**Kuala Lumpur:** Seorang bapa empat anak didakwa di Mahkamah Sesyen, di sini, semalam, terhadap tuduhan bersubahat dengan membenarkan sekumpulan rakan merogol adik iparnya, minggu lalu.

Bagaimanapun, penganggur berusia 29 tahun itu tidak mengaku bersalah sejurus pertuduhan dikemukakan di hadapan Hakim Izralizam Sanusi.

Mengikut pertuduhan, lelaki berkenaan bersubahat bersama rakan yang masih bebas dengan cara memudahkan perbuatan rogol berkumpulan terhadap seorang wanita berusia 26 tahun di sebuah kediaman di Wangsa Maju, antara jam 2 hingga 3.30 pagi, 30 Ogos lalu.

Kesalahan mengikut Seksyen 107 Kanun Keseksaan (KK) yang dibaca bersama Seksyen 375B KK yang membawa kepada hukuman penjara antara 10 hingga 30 tahun, jika disabitkan kesalahan.

Susulan pengakuan tidak bersalah itu, Timbalan Pendakwa Raya, Roslizi Sulaiman, tidak menawarkan sebarang jaminan terhadap tertuduh kerana bimbang akan mengganggu usaha menangkap suspek lain.

"Ada tiga orang sekurang-kurangnya yang rogol mangsa, mereka masih lagi bebas.

"Seperkara lagi jika tertuduh dibenarkan jaminan boleh menyebabkan gangguan terhadap saksi pendakwaan utama (mangsa).

"Tertuduh tinggal bersama isteri dan adik ipar di rumah sama, ini kes yang serius dan tertuduh berisiko melarikan diri," katanya.

Susulan itu, tertuduh yang tidak diwakili peguam merayu untuk diberi jaminan atas tuduhan berkenaan.

"Isteri saya mungkin jadi penjamin, kali terakhir saya hubunginya sebelum serah diri pada polis.

"Saya juga sudah berhenti kerja dan ada sakit semput," katanya.

Hakim kemudian tidak membenarkan jaminan selepas mendengar permohonan pendakwaan dan tertuduh.

"Penjamin tidak hadir ke mahkamah dan buat masa ini, tertuduh tidak dibenarkan jaminan.

"Selepas ini tertuduh ada peluang lantik peguam untuk hujahan mengenai jaminan dan hubungi rakan serta keluarga untuk jadi penjamin," katanya.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 12 Oktober ini.

### Polis buru empat suspek

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Wangsa Maju, Superintenden Ashari Abu Samah berkata, empat suspek yang dipercayai terbabit dalam kejadian rogol berkumpulan masih berada dalam negara.

Beliau berkata, pihaknya sedang giat mengesan empat suspek berusia antara 20-an hingga 30-an

"Walaupun suspek utama iaitu abang ipar mangsa sudah didakwa di mahkamah, kita masih giat mengesan keempat-empat suspek dipercayai melarikan diri," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Kelmarin, Ashari berkata, abang ipar mangsa berusia 29 tahun dipercayai terbabit dalam penagihan dadah.

"Abang ipar didapati positif dadah methamphetamin," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | LELAKI MAUT MOTOSIKAL REMPUH PACUAN 4 RODA | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 09 SEP 2023 | M/SURAT | : | 21 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Lelaki maut motosikal rempuh pacuan 4 roda

## Rakan parah terbabit nahas ketika pulang kerja

**Oleh Amirul Aiman Hamsuddin**
bhnews@bh.com.my





*Keadaan motosikal dan kenderaan pacuan empat roda yang terbabit kemalangan di Serendah, kelmarin.*
(Foto ihsan polis)

**Hulu Selangor:** Seorang pekerja kilang pembuatan kereta meninggal dunia manakala rakannya parah selepas motosikal yang ditunggang mereka merempuh kenderaan pacuan empat roda di Serendah, di sini.

Dalam kejadian jam 6.15 petang kelmarin, kedua-dua mangsa berusia 25 dan 24 tahun dikatakan dalam perjalanan pulang ke rumah sewa mereka terletak di Bukit Beruntung.

Ketua Polis Daerah Hulu Selangor, Superintendan Ahmad Faizal Tahrim berkata, kemalangan membabitkan dua kenderaan iaitu Yamaha Lagenda dan Mitsubishi Pajero.

Beliau berkata, siasatan awal mendapati kenderaan pacuan empat roda yang dipandu lelaki berusia 53 tahun dalam perjalanan dari Bukit Beruntung ke Kuala Lumpur.

### Hilang kawalan

"Tiba di lokasi kejadian, penunggang motosikal yang datang dari arah bertentangan hilang kawalan lalu melanggar kenderaan pacuan empat roda itu.

"Penunggang motosikal berusia 25 tahun disahkan meninggal dunia di tempat kejadian. Manakala pembonceng pula dikejarkan ke Hospital Selayang untuk menerima rawatan lanjut," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Ahmad Faizal berkata, pihaknya dimaklumkan pembonceng berusia 24 tahun kini berada di unit rawatan rapi (ICU) dan ditidurkan ekoran cedera di kepala dan perut.

Katanya, proses bedah siasat ke atas mayat penunggang pula akan dijalankan di Hospital Kuala Kubu Bharu.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 41 (1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987," katanya.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 'DIA SEGALANYA BUAT SAYA' | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 09 SEP 2023 | M/SURAT : | 04 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR : | KPWKM |

# 'DIA SEGALANYA BUAT SAYA'

## *Hidup tanpa isteri tak halang Khairul Nidzam urus keperluan anak sejak kecil*

**Oleh Nor 'Asyikin Mat Hayin**
asyikin.mat@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Lelaki ini pernah berasa malu 'memegang' status duda muda apatah lagi mempunyai anak perempuan kecil pada usia 25 tahun.

Namun perasaan ini lenyap apabila Khairul Nidzam Mokhtadza, 29, mengambil pendekatan untuk berdamai dengan takdir tertulis.

Kini, dia berasa bangga kerana menjadi bapa mithali kepada anak tunggalnya, Qhaisa Qhaila Khairul Nidzam, berusia empat tahun yang dijaga dan diuruskannya sejak dilahirkan.

Keakraban Khairul Nidzam dengan anaknya sangat erat seperti digambarkan di laman sosial TikTok apabila dia gemar memuat naik gambar dan kisah mereka di media sosial berkenaan.

Perkongsian Khairul Nidzam menarik perhatian warganet hingga ada menggelarkannya Duda Kiriman Tuhan, Presiden Duda dan Duda Kacak.

Ada antara perkongsian Khairul Nidzam di Tiktok mendapat empat juta tontonan dan 200,000 tanda suka.

Warganet menzahirkan rasa kagum terhadapnya kerana sanggup dan berupaya menjaga anak yang masih kecil.

Khairul Nidzam yang berasal dari Sarawak berkata, dia mengambil keputusan menjaga bayi baru dilahirkan sepenuhnya selepas bercerai dengan bekas isteri pada 2019.

Menurutnya, sebagai bapa kandung dan wali kepada Qhaisa Qhaila, dia merasa bertanggungjawab untuk menjaga anaknya,

» *Lihat muka 5*



| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 'SAYALAH BAPA, SAYALAH IBU' | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 09 SEP 2023 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |


# 'Sayalah bapa, sayalah ibu'

**Kuala Lumpur:** Kasih kepada anak melebihi segala-galanya membuatkan lelaki ini sanggup berkorban jiwa, raga dan melupakan kebahagiaan diri demi memastikan permata hatinya mendapat perhatian serta kasih sayang secukupnya.

Disebabkan itu juga, Mohd Azlan Roslan, 38, mengambil keputusan berhenti bekerja di kilang demi menguruskan anaknya, Nur Irdina Sofea yang kini berusia setahun lima bulan sepenuh masa.

Mohd Azlan memilih menjadi bapa dan ibu kepada Nur Irdina Sofea sejak anaknya itu berusia tiga bulan iaitu selepas dia berpisah dengan bekas isterinya.

Menurutnya, keputusan itu dibuat selepas berbincang dengan bekas isteri untuk memberi peluang kepadanya (bekas isteri) bekerja.

"Saya mengambil keputusan mengalah (berhenti kerja) dan mengambil tanggungjawab menjaga serta membesarkan Nur Irdina Sofea kerana terlalu sayang kepadanya.

"Walaupun Nur Irdina Sofea membesar tanpa ibu di sisinya, tetapi saya akan memastikan dia mendapat kasih sayang secukupnya," katanya.

Mohd Azlan berkata, dia masih berasa serik dengan pengalaman lalu dan akan lebih berhati-hati dalam membuat sebarang keputusan, terutama membabitkan soal perkahwinan.

"Walaupun buat masa kini tiada ke arah itu (perkahwinan), tetapi sebarang keputusan akan membabitkan Nur Irdina Sofea. Saya tidak mahu tumpuan kepadanya terganggu.

"Sebelum ini, saya ada menerima banyak pandangan negatif apabila segelintir masyarakat melihat saya kerap berada rumah menjaga anak. Mereka beranggapan saya tidak bekerja dan mempersoalkan bagaimana mahu memberi anak makan jika tidak bekerja," katanya.

> "Saya akan memastikan dia mendapat kasih sayang secukupnya
> Mohd Azlan

Bagaimanapun, dia tidak cepat melatah dan menjelaskan melakukan pekerjaan di rumah dengan menjual pelbagai produk secara atas talian.

"Pendapatan yang saya diperoleh dengan berniaga atas talian mencukupi untuk menyara hidup kami dua beranak," katanya.

Jelasnya, dia lebih selesa menjaga dan membesarkan anak sendiri tanpa bantuan orang lain, walaupun keluarganya bersedia membantu.

"Sejak menjaga Nur Irdina Sofea, berlaku perubahan drastik dalam hidup iaitu saya mula belajar memasak dan mencuci pakaian di rumah.

"Sebelum berkahwin dahulu, saya akan cuci pakaian di kedai dobi dan membeli makanan di kedai makan. Paling menarik apabila saya perlu mencari resepi di internet untuk penyediaan makanan berkhasiat buat Nur Irdina Sofea.

"Saya lakukan segalanya yang terbaik buat Nur Irdina Sofea kerana dia adalah amanah Allah SWT yang perlu dijaga seikhlas hati dan istiqomah," katanya.

Ditanya mengenai harapan terhadap Nur Irdina Sofea, Mohd Azlan berkata, dia mengimpikan anaknya itu membesar menjadi anak solehah dan mentaati agama.

"Jika mengikut semua perkara itu, Insya-Allah anaknya akan berjaya dunia dan akhirat," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 2 PENAGIH DITEMUI MATI! | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 09 SEP 2023 | M/SURAT | : | 23 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# 2 PENAGIH DITEMUI MATI!

## *Rumah pangsa kosong PKNS turut jadi 'stor' sorok barang curi*

Oleh Aqil Sharullizam
am@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Bukan saja gelandangan, malah penagih dadah turut 'menghuni' sebahagian rumah pangsa awam Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) di Jalan Kuching di sini sejak 2008.

Untuk rekod, rumah pangsa yang menjadi tumpuan gelandangan serta penagih membabitkan kuarters untuk anggota tentera.

Penduduk, Ridzwan Mohd Ali, 60, berkata, 10 blok kuarters perumahan berkenaan dibaik pulih pada awal 2008 sebelum ia ditinggalkan penghujung Disember tahun yang sama.

Ini kerana, penghuni kuarters tentera berkenaan berpindah ke kuarters yang baru.

"Kini, blok yang ditinggalkan turut menjadi 'stor' untuk menyembunyikan barangan curi. Pernah berlaku, dua kes penagih dadah ditemui mati akibat *overdose* di Blok B dan Blok C kuarters terbabit.

"Bagi memastikan keselamatan penduduk, kami memasang lampu selain kamera litar tertutup (CCTV) di beberapa blok," katanya ditemui.

Menurut Ridzwan, aktiviti membabitkan penagih dadah pula berlaku pada setiap masa malah polis turut melakukan banyak rondaan serta pemantauan di kawasan terbabit.

Bagaimanapun, aktiviti terbabit tetap berjalan dan soalnya, sampai bila ia akan berterusan.

"Kami bukan sahaja pernah menemui penagih dadah, malah menemui gelandangan yang menghuni blok kosong terbabit," katanya.



GULAM Muszaffar

Seorang lagi penduduk, Kamarozaman Sampul, 56, pula bimbangkan keselamatan kanak-kanak.

"Penduduk berterusan menjaga keselamatan di sini bersama-sama bagi memastikan keselamatan kami terpelihara.

"Gerai-gerai makanan juga dibuka di beberapa kawasan terbiar bagi memastikan kawasan terbabit tidak lengang.

"Ia dilakukan sebagai langkah berjaga-jaga supaya tidak berlaku perkara tidak diingini kepada penduduk, khususnya kanak-kanak yang melalui kawasan terbabit apabila pulang sekolah," katanya.

Tinjauan Harian Metro di beberapa blok kuarters terbabit turut menemukan beberapa bangkai motosikal yang sudah dileraikan.

Wartawan turut menemukan tempat digunakan individu dipercayai penagih dadah untuk 'melepak' serta melepas gian.

Sementara itu, aktivis masyarakat, Gulam Muszaffar Mustakim berkata, keadaan kuarters terbabit amat membimbangkan kerana ia dijadikan sarang kegiatan tidak bermoral sejak ditinggalkan pada 2008.

"Perkara ini sudah lama dibincangkan malah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) turut bersetuju untuk melakukan pembangunan semula kuaters berkenaan.

"Pada awalnya, pihak berkaitan bersetuju dan tiada halangan untuk melakukan pembangunan semula, tetapi selepas Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) sehingga kini, tiada tindakan susulan diambil.

"Lebih mengecewakan, kelulusan yang kita peroleh daripada DBKL pada April 2022 sudah tamat tempoh.

"Kita sudah berjaya mendapatkan 85 peratus sokongan penduduk di perumahan berkenaan namun disebabkan kelewatan pihak berkaitan, maka DBKL membatalkan permohonan untuk membangunkan semula kawasan ini," katanya.

Menurut beliau, 10 blok yang dimiliki oleh sebuah agensi kerajaan itu diabaikan tanpa penyelenggaraan sejak hampir 15 tahun dan ia membuatkan penduduk 'terseksa' dengan persekitaran yang terdedah dengan pelbagai kegiatan tidak sihat.



RUMAH pangsa PKNS yang terbiar kini jadi tempat sorok barang curi dan penagihan dadah. - Gambar NSTP/GENES GULITAH

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | ABANG IPAR TAK MENGAKU SALAH | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 09 SEP 2023 | M/SURAT | : | 13 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# ABANG IPAR TAK MENGAKU SALAH

Oleh Suraya Roslan
am@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Seorang penganggur didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tuduhan bersubahat dengan rakan lain yang masih bebas untuk merogol adik iparnya secara bergilir-gilir di sebuah rumah, bulan lalu.

Bagaimanapun, tertuduh yang berusia 29 tahun mengaku tidak bersalah sebaik pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Izralizam Sanusi.

Mengikut pertuduhan, bapa empat anak itu didakwa bersubahat dengan rakan sejenayah yang masih bebas memudahkan perbuatan rogol berkumpulan ke atas seorang wanita berusia 26 tahun.

Kesalahan itu dilakukan di sebuah kediaman di Wangsa Maju antara 2 pagi dan 3.30 pagi, 30 Ogos lalu.

Lelaki itu didakwa mengikut Seksyen 107 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 375B kanun sama.

Jika sabit kesalahan lelaki itu yang juga abang ipar mangsa boleh dihukum penjara sehingga 30 tahun serta boleh disebat jika sabit kesalahan.

> *"Sekiranya mahkamah memberikan ikat jamin, pihak pendakwaan bimbang usaha mengesan suspek yang masih bebas akan tergendala"*
>
> **Roslizi**

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Roslizi Sulaiman manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Terdahulu, Roslizi tidak menawarkan jaminan kerana tertuduh melakukan kesalahan berat selain mempunyai hubungan dengan mangsa iaitu abang ipar.

"Sekiranya mahkamah memberikan ikat jamin, pihak pendakwaan bimbang usaha mengesan suspek yang masih bebas akan tergendala apatah lagi tertuduh adalah abang ipar dengan mangsa.

"Jika tertuduh diberi jaminan, suspek yang masih bebas boleh melarikan diri atas makluman tertuduh, ada tiga orang sekurang-kurangnya yang rogol mangsa, tiga suspek itu masih lagi bebas," katanya.

Katanya, selain itu, pihak pendakwaan bimbang mangsa yang akan menjadi saksi pendakwaan dikacau ganggu berikutan mereka tinggal serumah bersama tertuduh dan isterinya.

"Kami tidak menawarkan jaminan kerana kes ini serius, sangat berisiko untuk tertuduh melarikan diri," katanya.

Bagaimanapun tertuduh dalam rayuannya memohon supaya dibenarkan ikat jamin kerana mempunyai tanggungan seorang isteri dan empat anak.

"Saya mohon dibenarkan jaminan, mungkin isteri saya (sebagai penjamin)," katanya.

Izralizam turut bertanya sama ada isterinya mengetahui dia didakwa di mahkamah semalam tertuduh berkata, dia tidak pasti dan kali terakhir berjumpa isterinya ketika menyerah diri di balai polis.

"Tiada ahli keluarga lain (penjamin), kalau ada pun mungkin sepupu," katanya.

Mendengar hujahan kedua-dua pihak, Izralizam tidak membenarkan tertuduh diikat jamin.

"Penjamin tidak hadir ke mahkamah dan buat masa ini, tertuduh tidak dibenarkan jaminan.

"Selepas ini, saya beri satu tarikh dan jika ada peluang lantik peguam untuk hujahan mengenai jaminan dan hubungi rakan serta keluarga untuk jadi penjamin," katanya.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 12 Oktober ini.

Sebelum ini, Harian Metro melaporkan ingin melangsaikan hutang rakan dipercayai punca yang mendorong lelaki membenarkan rakan merogol adik iparnya bergilir-gilir di kediaman mereka di Wangsa Maju.

Ketua Polis Daerah Wangsa Maju, Superintendan Ashari Abu Samah berkata, siasatan polis mendapati abang ipar mangsa berusia 29 tahun itu berhutang dengan salah seorang suspek yang masih bebas.

Menurutnya, sebelum kejadian, lelaki itu menghubungi mangsa, 26, supaya tidak mengunci pintu rumah, yang menyebabkan dia dirogol bergilir-gilir ketika sedang tidur.

Dalam kejadian itu, mangsa yang sedang tidur 'diserang' lima lelaki sebelum diperkosa secara bergilir-gilir.

Mangsa turut diikat tangan dan mulutnya ditutup dengan pita pelekat oleh suspek yang turut merakam kejadian itu.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | GALAS AMANAH JAGA EMPAT ANAK | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 09 SEP 2023 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Galas amanah jaga empat anak

**Kuala Lumpur:** Pernah berada pada titik kehidupan paling rendah berpunca akibat perceraian dan kejatuhan perniagaan.

Namun semua itu tidak menjadi penghalang kepada duda, Jamizan Jamaludin, 48, menjadi bapa terbaik kepada empat cahaya matanya.

Buktinya, kesemua anak di bawah jagaannya sejak 2016 membesar dengan sempurna, meskipun tanpa belaian manja diberikan seorang ibu.

Bahkan hubungannya bersama anak-anak berusia di antara sembilan hingga 20 tahun amat akrab.

Jamizan yang aktif sebagai ejen hartanah berkata, di peringkat awal mengambil alih peranan menjaga anak-anak yang masih kecil bukanlah keputusan yang mudah.

"Ketika itu saya berhadapan dengan masalah kewangan agak teruk susulan masalah perniagaan dihadapi. Tiga kenderaan mewah terpaksa dijual untuk menampung kos kehidupan kami lima beranak.

"Ditambah pula ketika perceraian berlaku, anak saya masih kecil dan berusia antara dua hingga 13 tahun. Mereka memerlukan perhatian seorang ibu. Saya perlu kuat supaya emosi anak tidak terganggu.

"Keadaan sangat mencabar apabila anak sulung terkena serangan kebimbangan dan saya perlu ulang alik ke hospital bagi membolehkan dia mendapat rawatan," katanya.

Bagaimanapun, dia melihat semua cabaran itu sebagai sesuatu yang positif.

"Saya terus bersabar membesarkan anak walaupun dalam keadaan cukup makan.

"Ketika itu juga kebergantungan saya kepada Allah SWT sangat tinggi menyebabkan urusan menjaga serta membesarkan anak-anak menjadi sangat mudah," katanya.

Menurutnya, dia akan menjaga, mengurus, menghantar dan mengambil anak pulang dari sekolah sambil bekerja.

"Saya juga menjadi 'cef' kepada empat anak yang tidak pernah dilakukan sebelum bercerai dengan bekas isteri.

"Setiap malam, menjadi rutin kami sekeluarga meluangkan masa bersama untuk makan malam dan menonton televisyen. Saya mewujudkan budaya dalam keluarga iaitu tidak memegang telefon pintar pada jam 8 hingga 10 malam.

"Dengan cara ini hubungan kami menjadi lebih erat dan anak tidak merasa terpinggir," katanya.

Katanya lagi, oleh kerana dirinya seorang yang menjaga penampilan, ada rakan-rakan mengelarkan dirinya sebagai 'duda berhias'.

Jamizan berkata, walaupun sudah tujuh tahun menjadi duda, dia tidak serik untuk mendirikan rumah tangga lagi, tetapi belum menjumpai calon yang sesuai.

"Tumpuan kini ada membesarkan anak dan mahu memastikan mereka berjaya dalam akademik serta kerjaya," katanya.



JAMIZAN mendapat jolokan 'duda berhias' kerana mampu membesarkan empat anak bersendirian.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | ENSURING KIDS ARE SAFE AT DAYCARE CENTRES | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 09 SEP 2023 | M/SURAT | : | 18 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Ensuring kids are safe at daycare centres

**WE** are concerned about child abuse cases in daycare centres. Children entrusted to daycare centres by parents deserve a secure environment.

Research shows that child abuse leaves deep scars.

It can trigger anxiety and diminish one's interest in learning, as hurtful words and actions have lasting effect.

We need to remember what sets us apart as humans: our reason and compassion.

The authorities, daycare centre management and educators must work together to enforce safety measures and conduct background checks for staff and monitoring.

Public campaigns can empower parents to be vigilant in choosing daycare options.

Daycare staff should have the qualities of a good teacher and be patient with kids.

To do this job right, it is their passion that should come first.

Parents deserve the assurance that their children are in good hands when they head for work.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MAN CHARGED OVER GANG-RAPE | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 09 SEP 2023 | M/SURAT | : | 11 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |


SISTER-IN-LAW OFFERED AS 'DEBT PAYMENT'

# MAN CHARGED OVER GANG-RAPE

Accused claims trial to charge of conspiring with co-offenders who are still at large

SURAYA ROSLAN
**KUALA LUMPUR**
news@nst.com.my

AN unemployed man was charged in the Sessions Court here yesterday with conspiring with several accomplices to gang-rape his sister-in-law in a house last month.

However, the 29-year-old accused pleaded not guilty when the charges were read out by the court interpreter before Judge Izralizam Sanusi.

According to the charges, the father-of-four was accused of conspiring with his co-offenders, who are still at large, to gang-rape the 26-year-old woman.

The offence was committed at a house in Wangsa Maju between 2am and 3.30am on Aug 30.

If convicted, the accused, who is also the victim's brother-in-law, could face up to 30 years in prison and caning.

Deputy public prosecutor Roslizi Sulaiman conducted the prosecution, while the accused was not represented.

Earlier, Roslizi did not offer bail because the accused had committed a serious offence and was related to the victim.

"If the court grants bail, the prosecution is concerned that efforts to apprehend the suspects who are still at large will be hindered, especially since the accused is the victim's brother-in-law.

"If the accused is granted bail, the suspects can flee upon learning of the accused's release. At least three suspects raped the victim, and those three suspects are still at large," he said.

He added that the prosecution was also concerned that the victim, who will become a prosecution witness, might face harassment as she lived in the same house with the accused and his wife.

"We are not offering bail because this case is serious and there is a high risk of the accused fleeing," he said.

However, the accused, pleaded for bail to be granted as he had to support his wife and four children.

"I request bail, perhaps my wife can be the guarantor," he said.

Izralizam also asked whether his wife was aware that he was charged in court yesterday, to which the accused replied that he was not sure as the last time he saw his wife was when he turned himself in at the police station.

"There are no other family members (as guarantors), if there are any, it might be a cousin," he said.

After hearing arguments from both sides, Izralizam denied bail to the accused.

"The guarantor is not present in court, and for now, bail is not granted to the accused. I will set another date, and if there is an opportunity, appoint a lawyer for arguments regarding bail and contact friends and family to act as guarantors," he said.

The case will be up for mention on Oct 12.

It was previously reported that the accused planned the gang-rape of his sister-in-law at their residence in Wangsa Maju because he wanted to settle a debt.

Wangsa Maju police chief Superintendent Ashari Abu Samah said that investigations found that the accused was in debt to one of the suspects who participated in the crime.

He said that before the incident, the man had contacted the victim and asked her not to lock the house door, which allowed the suspects to enter her home unhindered.

The victim, who was sleeping, was attacked by five men before being raped. Her hands were tied and her mouth was taped by the suspects, who also recorded the incident.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | JCI LUTONG ENTREPRENEURS VISIT EFRESH HYDROPONIC FARM | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 09 SEP 2023 | M/SURAT | : | 09 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# JCI Lutong entrepreneurs visit eFresh hydroponic farm

**MIRI:** Junior Chamber International (JCI) Lutong's Little Boss programme has taken a leap into the world of sustainable agriculture with its recent field trip to eFresh Hydroponic Farm in Kuala Baram near here.

The Little Boss programme is an initiative aimed at educating children aged 12 and below on financial literacy and entrepreneurship.

JCI Lutong, in a statetement, said the field trip was to provide the young participants with hands-on experience in the realm of sustainable farming and to foster a better understanding of responsible agriculture.

"The field trip was an eye-opening experience for the children. They had the opportunity to witness first-hand the marvels of hydroponic farming. They also gained insights into the cultivation of crops without traditional soil methods and tasted freshly plucked vegetables such as cherry tomatoes and crunchy cucumbers," it said.

Guided by staff members at eFresh, the children learned about the importance of water-efficient farming practices and how these practices could contribute to a greener and more sustainable future.

During the visit, the children also engaged in question and answer sessions and in discussions on the environmental benefits of hydroponic farming.

They also explored the farm's facilities, including the state-of-the-art hydroponic systems and greenhouses, where various crops were cultivated.

"As part of the Little Boss programme's commitment to holistic development, this field trip not only exposed the young participants to innovative agricultural practices but also instilled in them a sense of responsibility towards the environment.

"The children left eFresh Hydroponic Farm with a deeper appreciation for sustainable farming and the vital role it plays for our world," it said.

The success of the field trip, it added, would not have been possible without the support and collaboration of Shin Yang Agriculture, eFresh Hydroponic Farm.

"Special thanks to eFresh Hydroponic Farm team for their kind hospitality. Their dedication to education and sustainable agriculture serves as an inspiration to the young entrepreneurs," said JCI Lutong.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | JCI LUTONG'S YOUTH MENTORING PROJECT INSPIRES PERSONAL GROWTH, LEADERSHIP | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 09 SEP 2023 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |


# JCI Lutong's youth mentoring project inspires personal growth, leadership

**MIRI:** Junior Chamber International (JCI) Lutong Chapter's 'Brave 2023 Youth Mentorship Programme' concluded recently with much success.

Held at Champs Education Centre here last week, the mentorship programme was designed to nurture young individuals' potentials, as well as to enhance their leadership and communication skills.

With its aim of fostering personal growth, empowerment and leadership development; each mentor was responsible for guiding three mentees through fun filled activities that revolved around the core themes of 'Responsibility, Dream, Action and Gratitude'.

Under the 'Responsibility' theme, mentors and mentees engaged in a game named 'flip blanket' that focused on personal and social responsibilities.

The game, which came in three sections, had each mentee taking turns as a leader to convey different suggestions and commands.

Under the 'Dream' theme, the youth participants were encouraged to dream big and envision their future. The mentors shared their own journeys and inspired mentees to set ambitious goals.

Meanwhile, under the 'Action' theme, mentors led the participants in community service and guided them as they explored and reached out to the socially disadvantaged groups.

The 'Gratitude' theme, on the other hand, saw the mentees expressing self-reflections and appreciations for their newfound connections.

This segment encouraged development of positive attitudes, while instilling an attitude of gratitude as a vital aspect of personal growth.

"Brave 2023 programme not only provides valuable mentorship but also creates a supportive network that will continue to benefit the youth participants long after the event concludes," said JCI Lutong Chapter in a statement.

"By bringing together mentors who are accomplished professionals in various fields, this programme ensures a diverse range of experiences and perspectives for the mentees to draw upon," it added.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | OCTOGENARIAN FOUND DEAD, SUSPECTED TO BE VICTIM OF HIT-ANDRUN AT JALAN SARIKEI-BETONG | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 09 SEP 2023 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |


# Octogenarian found dead, suspected to be victim of hit-and-run at Jalan Sarikei-Betong

**SIBU:** An 84-year-old man was found dead at KM94 of Jalan Sarikei-Betong on late Thursday morning, believed to be a victim of a hit-and-run.

Saratok District police chief DSP Mordani Tanin said based on initial observation, the elderly motorcyclist appeared to be riding his machine towards the direction of Saratok from Sarikei along that section of the Pan Borneo Highway.

He also said the weather was sunny and the road was in good condition at the time of the incident, which was probably nearing 11am.

"Based on preliminary investigation, the victim's motorcycle seems to have collided with an unidentified vehicle, the impact from which could have caused the victim and his machine to be hurled out before crash-landing into the ditch by the road," he said in a statement, adding that the motorcyclist might have died on site.

"The police are now locating the driver of the vehicle involved in the accident.

"In this regard, we call upon those who have information about the accident to come forward and assist us in the investigation.

"Contact the investigating officer Royston Ubak on 016-313 0513, or go to nearby police station," he said, adding that the case is being investigated under Section 41(1) of the Road Transport Act 198.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | S'WAK CENTRAL REGION SINGLE MOTHERS ASSOCIATION TO HOLD FAMILY DAY DO | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 09 SEP 2023 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# S'wak Central Region Single Mothers Association to hold family day do

**SIBU:** Sarawak Central Region Single Mothers Association will host a family day celebration at Li Hua Hotel, Jalan Pulau Li Hua here this Oct 1.

The association, in a statement, said the event would commence at 8am with the presentation of cash incentives to members' school-going children.

"To be eligible for the incentive, applicants must be a member of the association. Newly-registered members of at least six months can also apply for the study incentive for their children," it said.

The study incentive is open to members' children from the kindergarten level up to the secondary level, with several entry requirements.

Recipients for the lower secondary category must obtain at least 60 marks in their school subjects, whereas a minimum of 50 marks is set for the upper secondary level (Form 4 to 6).

Meanwhile, for Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) and Junior Three, student applicants must obtain at least 2As.

For students of Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) and Senior Three, they must have a pass in all subjects.

"Single mothers who have yet to register with the association are much welcome, and registration is free," it said.

"Members are also encouraged to attend the event wearing the association's T-shirt to show their support," it added.

For more information, call 013-806 0488 or 0111-059 1080.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | VILLAGERS FIND MISSING SERIAN MAN AT NEARBY FARM | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 09 SEP 2023 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Villagers find missing Serian man at nearby farm

**KUCHING:** A man, who went missing in a jungle near Kampung Riih Mawang, Jalan Serian-Tebedu on Thursday, was found safe yesterday.

In a statement, the Fire and Rescue Department (Bomba) said the 42-year-old victim was found at a farm some 800m from his home.

"The victim was found by a group of villagers inside the farm around 9.30am with no visible injuries to his body," said the statement.

Bomba said a call was received at 8.55am yesterday from the Tebakang police station requesting help to locate the victim.

When rescuers from the Serian Bomba station together with Daisy from the K9 Unit arrived at the scene, they discovered that the victim had already been found.

Based on police accounts, the victim left his family home on Thursday afternoon armed with a shotgun belonging to his father-in-law.

He did not inform his family of where he was going.

At dusk, when the victim failed to return home, his family members feared the worst and launched a search party involving villagers.

After failing to locate the man, the family decided to file a police report.

Joining the search yesterday were the police, Civil Defence Force, People's Volunteer Corps, and around 50 villagers.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | YOUTH TRIO IN KAPIT NABBED OVER SUSPECTED DRUG ABUSE | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 09 SEP 2023 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Youth trio in Kapit nabbed over suspected drug abuse

**KAPIT:** Police here arrested three youths late Thursday afternoon over suspicion that they were involved in drug abuse.

The three were apprehended during a routine police patrol around town.

"The three were inside a car, and were acting suspiciously.

"The youths were then brought to the police station, where urine tests were conducted.

"Two of them tested positive for syabu (methamphetamine); there was also one transparent plastic packet containing what we suspected to be syabu, found on them.

"This is the second arrest of youths suspected of being involved in drug abuse. In late August, we arrested two youths who later tested positive for methamphetamine," said Kapit police in a statement, adding that the latest case would be investigated under Section 15(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952, and Section 12(3) ADB 1952 of the same Act.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK : | 7,500 FOREIGN WORKERS TO BE LET IN | | | |
| HARI : | SABTU | | AKHBAR : | THE STAR |
| TARIKH : | 09 SEP 2023 | | M/SURAT : | 05 |
| TONE : | POSITIF | | SEKTOR : | KPWKM |


# 7,500 foreign workers to be let in

## Barbershops, goldsmiths and textile stores to benefit from new quota rule

**KLANG:** The initial quota for barbershops, goldsmiths and textile stores to hire foreign workers has been decided, says Human Resources Minister V. Sivakumar.

"The matter was discussed at the Cabinet meeting and a decision was made to reopen intake of foreign workers for the three subsectors.

"Approval will be given for a quota of 7,500 workers," Sivakumar told a press conference at a roadshow here yesterday.

He added that efforts will be taken to solve problems faced by sectors critically affected by a shortage of workers.

On Monday, in response to complaints that the three subsectors had been badly affected by staff shortages, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim announced a partial approval of applications to hire foreign workers for barbershops as well as textile and jewellery stores.

In an earlier statement yesterday, Sivakumar said his ministry and the Home Ministry had presented a Cabinet paper in relation to joint meetings between the two ministries on June 27.

"The memorandum addressed the issues related to the three subsectors, and on Sept 4, the Prime Minister made the announcement.

"I would like to state that based on the real needs of the three subsectors, the Cabinet has approved a quota of 7,500 workers.

"This is also expected to address the tendency of employers to use undocumented migrants, which we also understand has the potential to lead to exploitation and forced labour," he said.

Sivakumar added that his ministry was also working with the Home as well as the Domestic Trade and Cost of Living ministries to arrive at a mechanism to implement the quota for the three subsectors.

The mechanism will emphasise adherence to the set hiring quota, fine-tuning of the quota together with the industries concerned, employer screening under Section 60K of the Employment Act 1955 as well as verification exercises via interviews with the joint ministerial supervisory agency.

"I am confident that this move will assist entrepreneurs who have been affected by difficulties in hiring local workers, to the extent of disrupting the continuity of their businesses," said Sivakumar.



**Essential service:** Barbers, among other sectors, have faced worker shortages across the country.

> "This (move will) address the tendency of employers to use undocumented migrants, which has the potential to lead to exploitation."
>
> V. Sivakumar
> Human Resources Minister

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | COURT RULES IN FAVOUR OF WIDOW | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 09 SEP 2023 | M/SURAT | : | 09 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Court rules in favour of widow

## Almost RM450,000 in damages awarded over death in custody case

By SARBAN SINGH
sarbans@thestar.com.my

**SEREMBAN:** A widow and her son who filed a civil suit against the government and several others following her husband's death while under police custody have been awarded almost RM450,000 in damages by the High Court here.

Judicial Commissioner Wan Fadhilah Wan Idris, in delivering the judgment, said the defendants had been negligent as they had failed to ensure the safety of 46-year-old M. Segar who had been in their custody.

Based on the testimony by a forensic pathologist, she said the deceased had suffered multiple blunt force trauma wounds and the age of these wounds coincided with the time he was arrested and detained in a lock-up.

Segar's 47-year-old wife M. Vimala Devy and son Thusataran, 23, had named Insp Mohd Rozek Azmi, Port Dickson district police chief, Port Dickson police station chief, Negri Sembilan police chief, the Inspector-General of Police and the Malaysian government as respondents in the suit.

The court awarded the plaintiffs RM200,000 in aggravated damages, RM150,000 for misfeasance in public office by public servant, RM63,000 for loss of support, RM30,000 for bereavement and RM3,780 for funeral expenses.

The respondents were also ordered to pay the plaintiffs 5% interest from March 30, 2020, and RM20,000 in costs.

According to their claim, Segar, who worked as a stall helper, and his friend S. Mogan were detained by the police at around 10.30pm on April 17, 2017, for alleged involvement in drug abuse.

The following morning, police took Segar to the Port Dickson district station after obtaining an order from a Magistrate's Court to remand him for three days.

At around 2.30pm on the same day, the investigating officer in the case, Insp Nor Asyiqin Wahirudin, received a call from Insp Mohd Rozek, the first defendant, telling him that he wanted to take Segar out of his cell to record his statement.

Insp Rozek then spent two hours with the deceased and sent him back to his cell at around 4.45pm.

However, at 1.20am the following morning, the deceased was found shivering in his cell. A policeman on duty gave him medicine.

When his condition worsened, a medical officer was called in at 2am. However, the medical officer found that the deceased had died about 10 minutes before he arrived.

A post-mortem conducted at the Tuanku Ja'afar Hospital found that the death was due to injuries to internal tissue caused by blunt force trauma, among other factors.

Segar's wife lodged a report and the case was heard by a Coroner's Court which ruled his death as a misadventure.

However, the family appealed the decision and on June 14, 2022, the High Court here declared an "open verdict" in Segar's death.

The plaintiffs in their suit had, among others, claimed there were serious breaches by the respondents from the time he was detained till his death.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | ISTERI PENUNGGANG P-HAILING BERSYUKUR DAPAT PENCEN PENAKAT PERKESO | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 09 SEP 2023 | M/SURAT | : | 13 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Isteri penunggang p-hailing bersyukur dapat pencen penakat PERKESO

**BUKIT MERTAJAM:** Hilang pendapatan selepas suami yang merupakan seorang penunggang p-hailing Food Panda meninggal dunia selepas kemalangan, benar-benar memberi kesan kepada suri rumah.

Nur Ammera Atan, 32, yang mempunyai empat orang anak berusia sembilan bulan hingga 14 tahun, membuatkan dirinya sukar keluar mencari pekerjaan demi menyara keluarganya.

Bagaimanapun, beban ditanggung Nur Ammera mendapat pembelaan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) yang tampil menyerahkan surat pembayaran pencen penakat kerana arwah suaminya Muhamad Firdaus Rosli, 36, merupakan pencarum PERKESO.

Menurut Nur Ammera, dia bersyukur pencen kerana penakat sebanyak RM1,395 setiap bulan, dapat membantunya menguruskan perbelanjaan keluarga kerana selama ini hanya arwah suaminya yang menanggung perbelanjaan mereka.



**SURAT BANTUAN: Nur Ammera melihat surat bantuan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) yang diterima bersama anak-anaknya Izzdanish,14, (kiri), Fatima Alyysa Muhammad Firdaus, sembilan bulan, (dua kiri), Aqeel Mikhael,4, (kanan) dan Dahlea Amanda,8, (dua kanan) di kediamannya di Machang Bubok, Bukit Mertajam semalam.** — Gambar Bernama

"Suami terlibat dalam kemalangan pada 2 Ogos lalu ketika dalam perjalanan menghantar tempahan pelanggan di Alma, dan mengalami cedera parah iaitu pendarahan di kepala, retak tempurung kepala dan rahang pipi kanan.

"Arwah menerima rawatan di Hospital Bukit Mertajam sebelum meninggal dunia pada 30 Ogos lalu dan selepas itu saya buntu kerana tidak tahu apa perlu dibuat dengan anak kecil manakala ayah saya sendiri sedang sakit dan memerlukan penjagaan rapi," katanya ketika ditemui di rumah keluarganya di Machang Bubok, di sini semalam.

Nur Ammera ditemui selepas menerima kunjungan Timbalan Pengarah PERKESO Pulau Pinang Chiam Hong Lan yang menyampaikan serahan pencen penakat dan faedah pengurusan mayat berjumlah RM2,000.

Sementara itu, Faizah Abdullah, 59, ibu kepada Allahyarham Muhamad Firdaus, berkata anak sulung daripada empat beradik itu meninggal dunia selepas 28 hari menerima rawatan di hospital.

"Selepas kemalangan dengan sebuah motosikal, keadaannya memang tidak lagi seperti biasa kerana tidak boleh bercakap dan bergerak namun dia masih memberi respons jika dipanggil, dua hari sebelum meninggal dunia, doktor maklumkan akan benarkan arwah pulang ke rumah.

"Kami telah buat persiapan termasuk beli katil untuk pesakit, namun tiba-tiba jantungnya terhenti sebelum kembali bernafas dan doktor maklumkan terdapat jangkitan pada paru-paru serta buah pinggang telah rosak dan gagal diselamatkan," katanya. — Bernama

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | JCI LUTONG BAWA KANAK-KANAK LAWAT EFRESH HYDROPONIC FARM | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 09 SEP 2023 | M/SURAT : | 05 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR : | KPWKM |

# JCI Lutong bawa kanak-kanak lawat eFresh Hydroponic Farm




**TIMBA ILMU: Kanak-kanak dan ahli-ahli JCI Lutong yang terlibat menjayakan program Little Boss JCI Lutong merakamkan kenangan ketika melawat eFresh Hydroponic Farm di Kuala Baram, baru-baru ini.**

**MIRI:** Dalam usaha mendedahkan kanak-kanak mengenai dunia pertanian lestari, Junior Chamber International (JCI) Lutong melalui program Little Boss membawa sekumpulan kanak-kanak berumur bawah 12 tahun bersama ibu bapa masing-masing melawat eFresh Hydroponic Farm di Kuala Baram di sini, baru-baru ini.

JCI Lutong dalam kenyataan medianya berkata, lawatan itu bagi memberi pendedahan kepada kanak-kanak mengenai literasi kewangan dan keusahawanan selain memberi pengalaman secara langsung kepada mereka dalam bidang pertanian lestari.

eFresh Hydroponic Farm terkenal dengan teknik pertanian hidroponik inovatif adalah satu langkah penting untuk memupuk pemahaman lebih mendalam tentang pertanian untuk didedahkan kepada kanak-kanak yang menyertai lawatan tersebut.

"Mereka berpeluang menyaksikan secara langsung pertanian hidroponik dan mendapatkan pandangan tentang penanaman tanpa mengunakan kaedah tanah tradisional serta mencuba sayur-sayuran baharu dipetik seperti tomato ceri dan timun rasanya rangup.

"Kanak-kanak turut diberikan taklimat ringkas berkaitan penanaman hidroponik oleh pengendali di eFresh yang dikenali Encik Wong.

"Beliau berkongsi mengenai kepentingan amalan pertanian cekap air dan bagaimana amalan-amalan ini menyumbang kepada masa depan lebih hijau dan lestari," jelas kenyataan itu.

Kanak-kanak terlibat turut aktif mengajukan soalan dan mengambil bahagian dalam perbincangan tentang faedah-faedah alam sekitar pertanian hidroponik.

Mereka juga berpeluang meneroka fasiliti-fasiliti ladang termasuk sistem hidroponik bertaraf tinggi dan rumah-rumah hijau di mana kanak-kanak serta peserta lain melihat pelbagai jenis tanaman ditanam.

"Sebagai sebahagian komitmen program Little Boss terhadap pembangunan holistik, lawatan ini tidak hanya mendedahkan mereka kepada amalan pertanian inovatif, tetapi juga menanamkan dalam diri mereka rasa tanggungjawab terhadap alam sekitar.

"Diharap melalui lawatan pendidikan sebegini, mereka mendapat pengalaman berharga," kata kenyataan itu.

JCI Lutong turut merakamkan penghargaan atas sokongan dan kerjasama eFresh Hydroponic Farm dan Shin Yang Agriculture serta ibu bapa yang membenar anak-anak mereka bersama menerokai bidang pertanian tersebut.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | LELAKI BERDEPAN DETIK CEMAS KERETA DIPANDU KEMALANGAN DAN TERBALIK | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 09 SEP 2023 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Lelaki berdepan detik cemas kereta dipandu kemalangan dan terbalik

**SARIKEI:** Seorang pemandu lelaki berusia 56 tahun berdepan detik mencemaskan apabila kereta yang dipandunya terlibat dalam kemalangan di Jalan Paya, Bintangor kelmarin.

Pegawai Pertahanan Awam Daerah (APM) Sarikei Lt (PA) Shahrol Azizi Zaidi berkata, pihak APM menerima panggilan kecemasan berkaitan kejadian itu pada jam 9 pagi.

"Ketika sampai di lokasi terbabit, pasukan APM mendapati pemandu terbabit telah berjaya keluar dari dalam kenderaan dan tidak mengalami kecederaan serius.

"Dipercayai ketika kejadian, kenderaan yang dipandu oleh mangsa hilang kawalan lalu terbalik.

"Pada masa sama, pasukan APM dengan bantuan orang awam telah menterbalikkan semula kenderaan mangsa," katanya kepada media, kelmarin.

Pasukan APM berusaha untuk membawa mangsa untuk mendapatkan pemeriksaan kesihatan di hospital berhampiran namun mangsa enggan.

Menurut Shahrol lagi, setelah memastikan keadaan di lokasi kemalangan selamat dan tiada mangsa lain, pasukan APM terbabit bertolak balik semula ke Pusat Kawalan Operasi Daerah (PKOD) Sarikei pada jam 9.46 pagi.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | LELAKI HILANG DI HUTAN KAMPUNG RIIH MAWANG DIJUMPAI SELAMAT | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 09 SEP 2023 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Lelaki hilang di hutan Kampung Riih Mawang dijumpai selamat

**SERIAN:** Seorang lelaki yang dilaporkan hilang sejak Khamis di hutan Kampung Riih Mawang, Jalan Serian-Tebedu dijumpai selamat semalam.

Jurucakap Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sarawak berkata, mangsa berusia 42 tahun ditemui penduduk kampung kira-kira 800 meter dari rumahnya.

"Mangsa dijumpai dalam keadaan stabil dan tidak mengalami sebarang kecederaan," katanya menerusi satu kenyataan, semalam.

Mangsa seterusnya diperiksa oleh anggota Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM).

Operasi pencarian mangsa ditamatkan pada jam 9.26 pagi.

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | LELAKI WARGA EMAS MAUT DIPERCAYAI DILANGGAR LARI | | |
| HARI : | SABTU | AKHBAR : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH : | 09 SEP 2023 | M/SURAT : | 01 |
| TONE : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |


# Lelaki warga emas mau dipercayai dilanggar la

**SARATOK:** Seorang penunggang mo lelaki warga emas maut dalam kemal yang dipercayai langgar lari di Kilome Jalan Sarikei-Betong dekat sini kelma

Ketua Polis Daerah (KPD) Saratok D Mordani Tanin berkata, mangsa dikenali sebagai Mesa Ajon berusia 84 tahun.

"Kemalangan dipercayai berlaku sekitar jam 10.40 pagi ketika mangsa sedang menunggang motosikal dari arah Sarikei menuju ke Saratok.

"Berdasarkan siasatan awal, pihak polis mendapati motosikal yang ditunggang mangsa telah dihimpit oleh sebuah kenderaan yang tidak dikenal pasti dan menyebabkan mangsa terbabas ke dalam parit di tepi kiri jalan.

"Akibat kemalangan itu mangsa dipercayai tercampak ke dalam parit dan meninggal dunia di tempat kejadian," kata Mordani ketika menghubungi media, semalam.

Tambahnya, kemalangan itu berlaku di jalan Lebuh Raya Pan Borneo iaitu di lorong berkembar di Kilometer 94 Jalan Sarikei-Betong di kawasan Bukit Tugong, Brayang.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TEDUNG 'BERSANTAI' DI KORIDOR RUMAH WARGA EMAS DITANGKAP | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 09 SEP 2023 | M/SURAT : | 05 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR : | KPWKM |


# Tedung 'bersantai' di koridor rumah warga emas ditangkap

**LIMBANG:** Seorang wanita warga emas berdepan detik cemas selepas terserempak dengan seekor ular tedung sepanjang dua meter yang 'bersantai' di koridor rumahnya dalam kejadian di Taman Damai B di sini, kelmarin.

Kejadian itu disedari mangsa yang berusia 62 tahun itu ketika hendak keluar rumah dan kemudiannya menghubungi Angkatan Pertahanan Awam (APM) Daerah Limbang untuk bantuan.

Pegawai Pertahanan Awam Daerah Limbang Leftenan (PA) Mirwan Shah Masri berkata pihaknya menerima panggilan kecemasan berhubung kejadian itu jam 8.05 pagi.

"Sebaik menerima panggilan, sepasukan anggota bergegas ke lokasi dan tiba jam 8.17 pagi untuk kerja-kerja menangkap replitia itu," katanya kepada media di sini, hari ini.



**TANGKAP:** Ular tedung yang berjaya ditangkap setelah ditemui di koridor sebuah rumah di Taman Damai B, Limbang kelmarin.

Menurutnya, hasil pemeriksaan dijalankan anggota APM mendapati ular seberat 500 gram itu berada di koridor rumah dan berjaya ditangkap.

"Operasi menangkap ular tedung itu mengambil masa 33 minit," jelasnya.

Terdahulu, operasi dijalankan dengan kekuatan empat anggota diketuai oleh Koperal (PA) Mohd Arif Midun menggunakan sebuah ambulans.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WANITA PRS NGEMAH ANJUR BENGKEL KRAF MANIK PERKASA WANITA DI RUMAH PANJANG | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 09 SEP 2023 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Wanita PRS Ngemah anjur bengkel kraf manik perkasa wanita di rumah panjang

**SIBU:** Wanita Parti Rakyat Sarawak (PRS) Ngemah menjalankan pelbagai aktiviti sebagai usaha mendekati rakyat di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Ngemah.

Salah satu aktiviti yang dianjurkan adalah bengkel kraf tangan berasaskan manik yang bertujuan memberi pengetahuan kepada golongan wanita di rumah-rumah panjang.

Terbaharu, bengkel diadakan di Rumah Lika, Sungai Mapai, Kanowit yang disempurnakan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ngemah Anyi Jana.

Anyi dalam ucapan ringkasnya mengucapkan tahniah kepada Pergerakan Wanita PRS Ngemah kerana telah menganjurkan program tersebut.

Beliau berharap agar program seumpama itu lebih kerap dianjurkan supaya lebih ramai golongan wanita dan belia dapat menyertainya serta mendapat pengetahuan.



**TINGKAT ILMU: Sebahagian daripada peserta yang mengikuti bengkel kraf tangan berasaskan manik yang dijalankan Rh Lika, Sungai Mapai, Kanowit.**

Mengenai permohonan Tuai Rumah Lika untuk membaik pulih jalan simpang rumah panjang mereka, Anyi berkata, permohonan itu akan dimasukkan dalam senarai projek di bawah Program Transformasi Luar Bandar (RTP) DUN Ngemah bagi tahun 2024.

Hadir sama ialah isteri kepada ADUN Ngemah Gelim Utan, Timbalan Ketua Wanita PRS Ngemah Winnie Adam, Setiausaha Wanita PRS Ngemah Elizabeth Asun dan Bendahari PRS Ngemah Dunstan Mandau.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WARGA EMAS TERNAK RUSA TIMORENSIS JANA PENDAPATAN TAMBAHAN | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 09 SEP 2023 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Warga emas ternak rusa Timorensis jana pendapatan tambahan

**GUA MUSANG:** Seorang peneroka tidak menjadikan usia emas sebagai alasan untuk berpeluk tubuh di rumah, sebaliknya menyibukkan diri memelihara rusa baka Timorensis di rumahnya di FELDA Perasu di sini.

Malah, Md Hussain Senik, 66, boleh berbangga apabila rusa peliharaannya semakin bertambah kepada lapan ekor berbanding empat sebelum ini.

Beliau berkata pada permulaannya, Jabatan Veterinar Gua Musang tampil memberikan bantuan empat ekor induk pada 2021.

"Empat induk berkenaan tidak memerlukan tempoh yang lama untuk membiak, dan kini saya memiliki tambahan empat ekor anak rusa pula. Rusa-rusa ini juga mudah dipelihara kerana hanya memerlukan kawasan yang luas mengikut keselesaan untuk bergerak bebas.

"Keputusan yang saya pilih untuk memelihara haiwan ini sangat tepat kerana penjagaannya lebih mudah berbanding haiwan lain, rusa haiwan yang lasak dan tidak mudah terkena serangan penyakit," katanya ketika ditemui pemberita di FELDA Perasu di sini baru-baru ini.

Beliau yang turut membahagikan masa dengan mengerjakan ladang sawit pada waktu pagi berkata ternakan rusa berkenaan ditempatkan di halaman belakang rumahnya dengan membina pagar setinggi lebih dua meter.

"Kos makanan tidak membebankan kerana saya memberi ternakan ini dedak secara berselang-seli dengan makanan tambahan yang lain.

"Anak saya juga membantu mencari rumput dan daun kelapa sawit sebagai antara makanan tambahan haiwan ini," katanya yang turut membela lebih 40 ekor lembu.

Menurutnya, beliau juga bercadang mengkomersialkan hobi itu sekiranya mendapat permintaan kerana perusahaan berkenaan dipercayai menjanjikan hasil yang lumayan.

"Sekiranya rusa ini terus membiak dan mendapat permintaan, saya berhasrat ingin menjualnya kerana harga seekor rusa jantan boleh mencecah hingga RM3,500 setiap ekor," katanya.

Md Hussain berkata beliau bersyukur kerana mendapat banyak khidmat dan nasihat daripada Jabatan Veterinar termasuk membuat lawatan berkala setiap bulan ke kandang ternakannya bagi memantau tahap kesihatan rusa-rusa berkenaan. — Bernama